

Sistem pencen baru lebih baik

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan menganggap sistem pemberian pencen dan imbuhan untuk kakitangan kerajaan yang wujud sekarang sesuai walaupun tidak dapat memuaskan hati semua pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sistem baru kini lebih baik daripada sistem lama malahan menunjukkan peningkatan walaupun tidak mencapai tahap seperti yang dikehendaki oleh pemimpin kesatuan sekerja.

"Saya fikir sistem baru ini lebih baik daripada yang asal, walaupun tidak

mencapai tahap yang mereka (pemimpin kesatuan) mahu.

"Bagaimanapun, dalam perkara seperti ini agak mustahil untuk mendapat semua yang diimpikan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Aidilfitri anjuran Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat di sini, malam ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar semalam mengenai kerajaan sudah bersetuju pada dasarnya untuk mengkaji semula skim pencen dan imbuhan untuk kira-kira 800,000 kakitangan kerajaan.

Kesatuan sekerja, yang meminta kajian itu dibuat, mahu bayaran imbuhan dinaikkan tiga kali ganda sementara bayaran pencen pula ditingkatkan kepada lebih separuh gaji bagi mereka yang berkhidmat lebih 25 tahun.

Mengenai isu kontrak kepada syarikat Britain, Dr Mahathir berkata, arahan tidak melayan pemberian kontrak kerajaan kepada syarikat Britain akan terus berkuatkuasa selagi media negara itu tidak meminta maaf kepada Malaysia.

Beliau berkata, syarikat Britain akan kerugian sekiranya media Britain te-

tap berdegil dan keras kepala.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan bersetuju untuk menambahkan peruntukan bagi pihak berkuasa tempatan yang mengalami masalah dalam operasi pembersihan longkang di negara iri.

"Kita mendapati kebanyakan pihak berkuasa tempatan mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk melaksanakan program pembersihan itu. Bagaimanapun bagi majlis tempatan yang mengalami masalah kewangan, peruntukan akan disediakan untuk mereka," katanya.